



SIARAN MEDIA (UNTUK EDARAN SEGERA)

RM10.8 JUTA DIPERUNTUKAN BAGI PEMBANGUNAN TUKUN TIRUAN DI TERENGGANU

MARANG, 4 Mei : Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui **Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)** telah memperuntukkan sebanyak RM10.8 juta bagi pembangunan tukun tiruan di negeri ini sejak tahun 2006.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, pembangunan tukun tiruan di **27 tapak** melibatkan **1,147 unit tukun** tersebut terletak di Ma' Daerah, Rantau Abang, Jambu Bongkok, Kuala Marang, Pulau Bidong, Pulau Kapas, Kuala Terengganu, Teluk Ketapang, Setiu, Besut dan Pantai Merchang. Lokasi-lokasi tukun yang dilabuhkan ini telah menunjukkan impak positif kepada biodiversiti marin. Ini terbukti apabila bilangan dan **kepelbagaiannya** spesies ikan semakin bertambah dari **15 spesis kepada 109 spesies** yang mewujudkan satu habitat baharu kepada pelbagai spesies ikan dan seterusnya meningkatkan biomass ikan di kawasan berkenaan, ujar beliau.

“Jumlah peningkatan spesies ikan ini amat tinggi berbanding sebelum tukun dilabuhkan, yang mana bilangan spesies ikan komersial di kawasan berkenaan **kurang dari 15 spesies manakala ikan batu karang tidak ditemui langsung** sebelum ini” jelas beliau lagi.

Tambah Shabery, projek tukun tiruan memberi manfaat kepada 6,500 nelayan tradisional di Terengganu kerana ia berjaya mengurangkan aktiviti pencerobohan nelayan pukat tunda di kawasan zon tangkapan nelayan tradisional. Di samping itu juga, **kajian DOF** telah membuktikan bahawa pembangunan tukun tiruan ini dapat **meningkatkan pendaratan nelayan**

Zon A dari 27,200 tan metrik tahun 2009 hingga 30,400 tan metrik pada tahun 2013. Bancian juga menunjukkan bahawa 80% nelayan bersetuju **ikan semakin banyak** selepas tukun ditempatkan di laut dan **masa ke laut dapatkan dipendekkan** serta dapat **mengurangkan kos operasi**, ujar beliau selepas Majlis Pelancaran Tukun *Rig To Reef* dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara DOF dan PETRONAS di Dataran Marang di sini hari ini.

Turut hadir, Datuk Muhammad Pehimi Yusoff, Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Perusahaan Peladangan dan Komoditi Negeri, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Muhammad Zamri Jusoh, Naib Presiden (Pengurusan Petroleum) PETRONAS.

Mengulas mengenai majlis tersebut, Shabery menjelaskan agensi kerajaan seperti DOF giat bekerjasama dengan PETRONAS bagi melabuhkan tukun tiruan dari pelantar minyak terpakai di perairan perikanan Malaysia di mana konsep ini dikenali sebagai '***Rig to Reef***'. Pelantar minyak terpakai dilupuskan menjadi tukun tiruan dengan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan bagi memastikan ianya selamat untuk hidupan marin. Projek *Rig to Reef* pertama di Malaysia telah dilaksanakan sejak tahun 2004 di mana pelantar minyak terpakai yang dinyahtaullah telah dilabuhkan di perairan Baram dan dinamakan sebagai *Rig to Reef* Baram-8 (BA-8).

"Kerjasama dengan PETRONAS merupakan permulaan yang baik bagi usaha meningkatkan sumber ikan seterusnya membantu **meningkatkan pendapatan nelayan**. Saya mengalu-alukan pihak swasta dan syarikat GLC di Malaysia untuk bekerjasama dengan DOF di bawah program CSR seumpama ini dalam pembangunan program tukun tiruan" ujarnya lagi.

Dalam perkembangan yang sama, Shabery menjelaskan bahawa Terengganu berkeupayaan mendaratkan ikan sebanyak **50,000 hingga 80,000 tan metrik setahun dari enam (6) jeti pendaratan utama** di Kuala Besut, Chendering, Marang, Kuala Kemaman, Kuala Dungun dan Pulau Kambing serta **menyumbang sekitar 6 peratus** kepada pendaratan ikan di seluruh Malaysia yang salah satunya disebabkan tukun-tukun yang dilabuhkan di sekitar perairan Terengganu, ujar beliau lagi.

Tambahnya lagi, selain Kuala Besut, **kemudahan pendaratan Chendering** juga mampu menjadi kompleks pendaratan utama memandangkan kapasiti pendaratan di kompleks ini adalah besar dan dilengkapi dengan kemudahan yang baik. Pendaratan ikan di Terengganu akan dapat ditingkatkan dengan **pemantauan dan penguatkuasaan lebih ketat oleh DOF dan sekatan vesel-vesel tempatan untuk mendarat di negara jiran.**

#####

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

No. Tel : 03 – 8870 4234

No. Faks : 03 – 8881 0343

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my